

SOALAN NO: 29

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin]

TARIKH : 5 April 2018 (Khamis)

SOALAN : Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapakah nilai jumlah eksport bunga keluar negara pada tahun 2016 dan 2017. Apakah langkah-langkah untuk meningkatkan lagi industri penanaman bunga dalam negara.

57

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Nilai jumlah eksport bunga ke luar negara pada tahun 2017 direkodkan sebanyak RM517.14 juta dan RM493.63 juta pada tahun 2016, iaitu peningkatan sebanyak 4.76%. Keratan bunga kekwa, orkid dan dedaun merupakan antara produk florikultur yang mempunyai nilai eksport tertinggi.

Bagi meningkatkan lagi industri penanaman bunga dalam negara, Kementerian melalui Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) telah mewujudkan Projek Pembangunan Kluster Bunga dan Tanaman Hiasan. Pelaksanaan projek ini telah berjaya meningkatkan pengeluaran bunga dan tanaman hiasan sebanyak 42.8% pada tahun 2017 berbanding tahun 2016.

Bagi memperkukuhkan hubungan di antara pihak kerajaan dan pihak swasta, sebuah platform perbincangan dan penyelesaian masalah yang dikenali sebagai *Malaysian Agro Networking (MAN)* turut aktif memainkan peranannya. Melalui platform ini, semua ahli yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), jabatan dan agensi MOA serta pemain industri dapat bertukar pandangan dan idea dalam mengukuhkan R&D, memperluaskan pasaran, mempelbagaikan produk florikultur dan memperkukuhkan khidmat sokongan dalam industri florikultur.

SOALAN : 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH B. NIK
ABDUL AZIZ (PASIR MAS)**

TARIKH : 5 APRIL 2018

RUJUKAN : 10650

SOALAN :

PR-1361-L04548

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik dadah terkini dan
menjelaskan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi
menanganinya.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah penagih dadah yang dikesan pada tahun 2017 adalah seramai 25,922 orang. Bagi aktiviti pengedaran dadah pula, sebanyak 85,835.83 kg, 4,008,012 biji dan 99,463.88 liter dengan nilai rampasan berjumlah RM198.54 juta telah berjaya dirampas pada tahun 2017.

Kerajaan sentiasa memandang serius masalah dadah di negara ini dan telah mengambil pelbagai langkah bagi menanganinya. Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah menggerakkan program Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) bagi membersihkan 178 kawasan berisiko di seluruh negara secara berperingkat. Kawasan sasaran utama yang telah dikenal pasti ialah kawasan nelayan, penempatan tanah rancangan (FELDA dan FELCRA) serta Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Strategi PDH yang menggunakan pendekatan menggerakkan agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti melibatkan peranan mereka sebagai perancang, penggerak dan pemilikhak (*ownership*) dalam setiap program dan aktiviti pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah serta penguatkuasaan dadah. Program PDH yang telah dilaksanakan sejak tahun 2016 ini akan diteruskan pada tahun 2018.

Bagi menangani jenayah berkaitan dadah, Kementerian melalui PDRM mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan untuk mengesan dan menangkap serta mengambil tindakan

undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah melalui strategi berikut:

- a) memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama;
- b) mempergiatkan tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk membanteras *drug kingpin*, sindiket pengedaran dadah berskala besar serta membongkar makmal haram memproses dadah;
- c) mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas sindiket dan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah; dan
- d) melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.

67

SOALAN : 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA
SELATAN)**

TARIKH : 5 APRIL 2018

RUJUKAN : 10651

SOALAN :

PR-1361-L05084

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan jaminan bahawa tahanan politik Dato' Seri
Anwar Ibrahim akan dibebaskan pada 8 Jun 2018.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Pengiraan tempoh hukuman, remitan dan tarikh pembebasan seseorang banduan termasuk Dato' Seri Anwar Ibrahim dibuat oleh Jabatan Penjara mengikut ketetapan Akta Penjara 1995 serta Peraturan-Peraturan Penjara 2000. Akta dan Peraturan Penjara memperuntukkan sepertiga remitan daripada hukuman kepada mana-mana banduan yang menjalani hukuman melebihi satu bulan. Ia juga menetapkan bahawa jika pembebasan seseorang banduan jatuh pada hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am, banduan tersebut hendaklah dibebaskan pada hari sebelumnya.

Oleh itu, bagi pengiraan hukuman dan remitan sepertimana ketetapan Akta serta Peraturan Penjara, tarikh pembebasan Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah pada 10 Jun 2018, tetapi berikutan tarikh itu jatuh pada hari Ahad dan 9 Jun adalah Sabtu, maka Dato' Seri Anwar Ibrahim boleh dibebaskan pada 8 Jun 2018.

Walau bagaimanapun, hukuman dan tarikh pembebasan seseorang banduan boleh berubah dan ini termasuk jika banduan melakukan kesalahan terhadap tatatertib penjara dan menyebabkan tindakan pelucuthakan remitan di bawah Peraturan-Peraturan Penjara 2000.